

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 30 SEPTEMBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 14

## Syor buat percubaan sebelum laksana dasar gaji progresif

### Syor buat percubaan sebelum laksana dasar gaji progresif

**Kuala Lumpur:** Dasar sistem gaji progresif yang ingin diperkenalkan kerajaan perlu melalui proses percubaan dengan beberapa syarikat dipilih melalui konsep sukarela sebelum ia dilaksanakan secara meluas di negara ini.

Perkara itu disuarakan Presiden Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Mohd Effendy Abdul Ghani yang bimbang hasrat murni melalui pelaksanaan dasar itu tersasar apabila dilaksanakan nanti tanpa melalui proses percubaan.

Secara umumnya, beliau berkata, dasar itu dipersetujui MTUC kerana kerajaan turut memberikan insentif kepada syarikat dan pekerja yang menyertainya.

"Perlu ada projek perintis yang ditawarkan kepada syarikat besar yang sukarela terabit dengan dasar gaji progresif ini.

"Langkah percubaan itu penting untuk melihat kesannya kepada pekerja dan majikan selain menilai kelemahan dalam pelaksanaannya serta meningkatkan keyakinan pekerja dan majikan berkaitan isu penggajian ini," katanya kepada *BH*.

Selasa lalu, Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli di Dewan Negara memaklumkan majikan bakal menerima insentif tunai daripada kerajaan selaras dengan pelaksanaan dasar gaji progresif.

Katanya, majikan perlu menggunakan dokumen berkaitan sebagai bukti memenuhi keperluan dasar gaji progresif.

"Majikan perlu terlebih dahulu menaikkan gaji pekerja dan seterusnya menunjukkan bukti, barulah kerajaan boleh membayar insentif kepada mereka," katanya.

Inisiatif dasar sistem gaji progresif itu diluluskan di peringkat Kabinet dan butiraninya akan dibentangkan dalam Belanjawan 2024 pada Oktober ini.

Mohd Effendy berkata, pelaksanaan gaji progresif perlu difasilitasi oleh pekerja dan majikan walaupun ketika ini sudah dilaksanakan gaji minimum.

Katanya, gaji minimum ini lebih sesuai bagi pekerja baru, manakala untuk dasar gaji progresif lebih sesuai dengan syarikat besar.

"Syarikat besar tidak terkesan dengan gaji minimum, jadi gaji progresif ini lebih sesuai untuk mereka, namun rangka kerja, tempoh masanya perlu ditetapkan," katanya.

Beliau juga mencadangkan syarikat yang herminat melaksanakan gaji progresif dan menawarkan diri menyertaiinya secara sukarela diberikan insentif tambahan.